

BAB EMPAT

PENGGOLONGAN KATA DAN CIRI-CIRINYA

4.0. Pendahuluan

Sebelum menghuraikan lebih lanjut pembahagian golongan kata dan ciri-cirinya dalam BA dan BM, penulis ingin menjelaskan terlebih dahulu kepentingan mengenali jenis-jenis golongan kata kedua-dua bahasa tersebut, sehingga secara linguistik, kajian tersebut dapat memuaskan pembacanya. Selain daripada itu, kajian pembahagian golongan kata sesuatu bahasa merupakan kajian yang penting bagi seorang yang akan mempelajari ilmu morfologi ataupun ilmu sintaksis pada bahasa berkenaan. Ringkasnya, mengetahui pembahagian golongan kata dapat membantu memahami secara am ciri-ciri dan pola-pola bahasa yang dikaji. Ahmad Muhamad Qaddūr (1996:156) mengatakan:

إِنَّ النُّحَاةَ الْقُدَامَى كَانُوا يَنْدُونَ كُتُبَهُمْ بِالْحَدِيثِ عَنِ الْكَلْمَةِ وَأَقْسَامِهَا مِنِ النَّاحِيَةِ الصَّرْفِيَّةِ ، لِمَا لَهَا الْمُوْضُوعُ مِنْ أَهْمَيَّةٍ فِي فَهْمِ الْأَبْوَابِ وَالْمَسَائِلِ النَّحْوِيَّةِ الَّتِي يَتَصَدَّوْنَ .

Maksudnya: Ahli-ahli nahu Arab klasik memulakan karya tulis mereka dengan membahas kata dan pembahagiannya dari aspek ilmu şaraf (morfologi), kerana kajian ini sangat penting bagi memahami bab-bab dan masalah-masalah yang berkaitan dengan ilmu nahu yang akan dipelajarinya.

Dalam bab ini penulis memfokuskan kepada golongan kata dan ciri-cirinya dalam BA dan BM

4.1 Penggolongan Kata Menurut Ahli Nahu Arab Klasik

Sehubungan dengan pembahagian golongan kata, ahli nahu Arab moden berselisih pendapat seperti yang akan dihuraikan nanti. Manakala penggolongan kata menurut ahli nahu Arab klasik pula tidak berasaskan hujah yang kuat, yang dapat diterima oleh semua kalangan linguis. Salah satu sebabnya ialah mereka terpengaruh oleh teori Plato dalam membahagikan benda konkri *al-mawjūdāt* antaranya seperti yang dikatakan oleh ‘Abd al-Rahmān Ayyūbiy (t.t.

: 9 - 10):

إِنَّ الْحُوَيْسِينَ قَدْ تَأَثَّرُوا فِي هَذَا التَّقْسِيمَ بِنَظَرِيَّةِ أَفْلَاطُونَ عَنِ الْمَوْجُودَاتِ، فَالْمَوْجُودَاتُ تَوْعَانُ : ذَوَاتٌ وَاحْدَادٌ، أَمَّا الْذُرَّاتُ فَهِيَ أُمُورٌ مَادِيَّةٌ كَالْأَشْخَاصِ وَالْمَادِيَّاتِ، أَوْ مَعْنَوَيَّةٌ كَالصَّبَرِ وَالشَّجَاعَةِ، وَأَمَّا الْأَحْدَادُ فَهِيَ أَفْعَالٌ تَقَعُ فِي زَمَانِ خَاصٍ كَالْقِرَاءَةِ وَالْتَّكَلُّمِ، وَعَمَلٌ شَيْءٌ مَا، وَأَفْلَاطُونَ يَنْقِسِمُ الْمَوْجُودَاتُ لَا أَفْفَاطَ، فَأَخْدَدَ النَّحَاءَ تَنْقِسِمُ الْمَوْجُودَاتُ وَطَبَقَهُ عَلَى اللُّغَةِ.

Maksudnya: Ahli-ahli nahu Arab klasik terpengaruh oleh Plato dalam pembahagian golongan kata, iaitu ketika beliau membahagikan *al-mawjūdāt* (benda konkrit). Benda-benda tersebut menurutnya terbahagi kepada dua bahagian, pertama ialah *dhāt*, dan yang kedua ialah *hadath* (perbuatan). *Dhāt* ialah sesuatu yang konkrit (*المرجورَات*), seperti manusia atau benda-bendaan, atau yang bersifat abstrak (معنوية), seperti kesabaran dan keberanian. Adapun *ahdāth* (pekerjaan) ialah suatu perbuatan yang terjadi pada masa tertentu, seperti membaca, berbicara atau perbuatan apa sahaja. Dalam konteks ini, Plato membahagikan *المرجورَات* (benda konkri), bukan membahagikan perkataan, manakala ahli nahu Arab mengambil teori tersebut untuk

membahagikan perkataan, bukan membahagikan (بِالْمَوْجُودَاتِ) (benda konkret).

Sepertimana telah disebutkan di atas, bahawa pembahagian kata BA terpengaruh oleh Plato. Oleh itu, ahli-ahli nahu Arab klasik menggolongkan kata BA kepada tiga bahagian, iaitu:

a-kata nama

b- kata kerja, dan

c- huruf.

Penggolongan ini selari dengan yang dikatakan oleh Ibn Hisyām (1984: 17) :

الْكَلِمَةُ جِنْسٌ تَحْتَهُ هذِهِ الْأَنْوَاعُ الْثَّلَاثَةُ لَاَغْيُرُ وَاجْمَعَ عَلَى ذَلِكَ مَنْ يُعْتَدُ بِقَوْلِهِ.

Maksudnya: Kata, adalah jenis, yang mengandungi tiga macam perkataan, dan ini telah disepakati oleh 'ulama yang muktabar.

Ibn Hisyām dalam membahagikan kata melihat kepada aspek makna dan ciri-cirinya. Oleh kerana itu, pembahagian ini tidak membezakan satu bahasa dengan bahasa yang lain. Selanjutnya, beliau mengatakan:

ذَلِيلُ الْحَصْرِ أَنَّ الْمَعْانِي ثَلَاثَةٌ، ذَاتٌ، وَحَدَّثٌ، وَرَابِطَةٌ لِلْحَدَّثِ بِالذَّاتِ، فَالذَّاتُ الْإِسْمُ، وَالْحَدَّثُ الْفِعْلُ، وَالرَّابِطَةُ الْحَرْفُ، وَإِنَّ الْكَلِمَةَ إِنْ دَلَّتْ عَلَى مَعْنَى فِي غَيْرِهَا فَهِيَ حَرْفٌ، وَإِنْ دَلَّتْ عَلَى زَمَانٍ مُحَصَّلٍ فَهِيَ الْفِعْلُ، وَإِلَّا فَهِيَ الْإِسْمُ الدَّلِيلُ الَّذِي ذَلَّ عَلَى الْإِحْصَارِ فِي الْثَّلَاثَةِ عَقْلِيٌّ، وَالْأَمْوَارُ الْعُقْلِيَّةُ لَا تَخْتَلِفُ بِاخْتِلَافِ الْلُّغَاتِ.

Maksudnya: Dalil pembahagian kata kepada tiga bahagian, kerana makna perkataan dalam B.A terdapat tiga jenis, pertama dhāt, kedua ḥadāth, dan yang ketiga ialah makna yang menghubungkan pekerjaan dengan dhāt. Yang dimaksud "dhāt" ialah kata nama, "ḥadāth" ialah kata kerja, dan rābiṭat ialah huruf. Apabila perkataan itu mengandungi makna tetapi harus dihubungkan dengan perkataan yang lain, maka disebut huruf, dan apabila perkataan itu mengandungi makna masa (ketentuan waktu), maka disebut kata kerja, dan apabila perkataan itu tidak memiliki dua ciri-ciri di atas, maka disebut kata nama. Alasan pembahagian kata kepada tiga bahagian ini, adalah berdasarkan 'aklī (logika). Apabila pembahagian itu berdasarkan akal, maka tidak ada bezanya antara satu bahasa dengan bahasa yang lain. (Ibid).

Daripada ketiga-tiga pembahagian kata tersebut di atas, masing-masing dapat diberikan definisinya sebagai berikut:

1- *Al-ism* (kata nama)

الْآسُمُ كَلِمَةٌ تَدْلُّ عَلَى مَعْنَى فِي نَفْسِهِ غَيْرِ مُقْتَرَنٍ بِزَمَانٍ.

Maksudnya: Kata nama ialah kata yang mengandungi makna yang tidak berkaitan dengan masa.

2- *Al-fi'l* (kata kerja)

الْفِعْلُ مَا ذَلَّ عَلَى مَعْنَى فِي نَفْسِهِ مُقْتَرَنٌ بِزَمَانٍ.

Maksudnya: Kata kerja, ialah kata yang menunjukkan makna, yang berkaitan dengan masa.

3- *Al-harf* (partikel)

الْحَرْفُ مَا ذَلَّ عَلَى مَعْنَى فِي غَيْرِهِ.

Maksudnya: Huruf, ialah suatu kata yang menujukkan makna, apabila dikaitkan dengan kata yang lain.

(Lihat. al-Ghalāyīnīy (1968 Jld.1: 9,11,12.)

Sementara Sibawayh (1983 Jld.1: 12) mendefinisikannya seperti berikut:

مَا جَاءَ لِمَعْنَىٰ لَيْسَ بِاسْمٍ وَلَا فِعْلٌ.


Maksudnya: Kata yang mempunyai makna, yang tidak berupa kata nama dan kata kerja.

Pembahagian kata BA kepada tiga jenis itu, mula-mula sekali dimuatkan di dalam sebuah buku yang dikarang oleh seorang sarjana bangsa Parsi, yang dianggap sebagai Bapa Linguistik Arab, iaitu Sibawayh (meninggal tahun 793 M). Buku karya ahli bahasa aliran Basrah yang berjudul *al-Kitāb* mendapat julukan sebagai *Qur'an al-Naḥw*, iaitu kitab suci tatabahasa. *Al-Kitāb* itulah yang menjadi dasar dari semua pengkajian segala aspek bahasa Arab sampai kini (Lht.Abdullah Hassan (1978: 133-134)

Oleh yang demikian, maka linguis-linguis selepasnya mereka mengikut kepada sistem Sibawayh dalam membuat kajian-kajian tatabahasa Arab, baik mengenai penggolongan kata mahupun yang lainnya (Lht.Ramadān ‘Abd al-Tawwāb 1985:15).

Jika diteliti secara cermat, sebenarnya penggolongan kata di atas dilakukan dengan memperhatikan bentuk perkataan, kemudian baharulah dipilih suatu bentuk yang boleh menerbitkan semua bentuk terbitan lain sebagai panduan atau acuannya. Dengan demikian, definisi-definisi di atas berbentuk am, misalnya mereka mendefinisikan kata nama sebagai *kata yang mengandungi makna (dengan sendirinya) tanpa disertai dengan keterangan waktu*. Definisi tersebut meliputi berbagai-bagai jenis kata nama, termasuk

kata sifat, kata ganti nama, kata keterangan tempat dan masa, kata isyarat,kata mawsūl dan lain sebagainya, seperti rajah di bawah ini:




3-Gambar Rajah 4.1 Pembahagian KN BA.

Begitu juga apabila mereka mendefinisikan kata kerja iaitu *Suatu kata yang menunjukkan makna yang disertai dengan keterangan waktu*. Definisi ini mengandungi makna am, kerana melibatkan pelbagai bentuk dan jenis kata kerja, termasuk kata kerja yang menunjukkan keterangan waktu kala lampau (الْفَعْلُ الْمَاضِي), kata kerja yang menunjukkan keterangan waktu kala kini atau akan datang

(الْفَعْلُ الْمُضَارِعُ) dan kata kerja yang menunjukkan keterangan perintah untuk waktu yang akan datang (فَعْلُ الْأَمْرِ). Pembahagian tersebut

seperti gambar rajah di bawah ini:



4-Gambar Rajah 4.2 Pembahagian KK BA

Dari sinilah timbul perbezaan-perbezaan di antara ahli nahu Arab klasik dan moden dalam menentukan penggolongan kata, seperti yang akan diuraikan di bawah ini.

4.2 Penggolongan Kata Menurut Ahli Nahu Arab Moden

Setelah penulis menghuraikan definisi kata dan penggolongannya menurut Linguis Arab klasik, serta hujah mereka dalam membahagikannya, maka di bawah topik ini penulis akan menghuraikan kan penggolongan kata menurut ahli nahu Arab moden, serta hujah mereka, seperti penjelasan di bawah ini:

Ahli nahu Arab moden seperti: Ibrāhīm Anīs (1958: 264), Tamām Hassān (t.t. 87), Fādīl al-Sāqīy (1977: 35), dan Mahdīy al-Maḥzūmīy (1986: 19-64), telah menggolongkan kata dalam BA berdasarkan fungsi (وظيفة), pola atau

binaan kata (صيغة أو مبنى). Dengan demikian, penggolongan kata mereka berbeza dengan penggolongan kata ahli nahu Arab klasik. Akan tetapi apabila diteliti secara detail, sebetulnya ahli nahu Arab klasik juga tidak menafikan dasar-dasar penggolongan yang dikemukakan oleh ahli nahu Arab moden, seperti yang akan diuraikan nanti. Maka dari aspek itulah perselisihan berlaku di antara ahli nahu Arab klasik dan moden dalam penggolongan kata. Untuk mendapatkan penjelasan yang lebih lanjut. Berikut ini dikemukakan sebahagian tokoh terkemuka ahli nahu Arab moden mengikut penggolongan mereka.


(i)- Ibrāhīm Anīs (1958: 265-278) membahaginya kepada:

a- Kata nama. Kata ini terbahagi kepada:

- 1- kata nama um, seperti: رَجُلٌ (orang lelaki), فَرْسٌ (sekor kuda)
- 2- kata nama khas (nama manusia / benda-bendaan), seperti: Muhammad, masjid Negara, Muzium Negara, dan lain sebagainya.
- 3- Kata nama sifat (adjektif), iaitu kata nama yang menunjukkan makna sifat terjadinya sesuatu perbuatan, seperti: اسمُ الْفَاعِلِ (kata nama pelaku), اسمُ الْمُفْعُولِ (kata nama penderita), الصِّفَةُ الْمُشَابِهُ بِاسْمِ الْفَاعِلِ (kata nama yang serupa dengan isim *fā'il* dalam fungsinya), *sīghat mubālaghat* (ciri-ciri pola kepalingan), dan kata nama *taṣdīl* (kata unggulan)

b-Kata ganti nama. Jenis ini terbahagi kepada:

- 1- kata ganti nama penunjuk, seperti: هَذَا، هَذِهِ (ini), dan sebagainya.
- 2- kata nama *al-mawṣūl* (kata sambung), seperti: الَّذِي، الَّتِي (yang), dan sebagainya.
- 3- kata kerja, seperti : ضَرَبَ وَشَرَبَ (minum dan memukul) dan lainnya.
- 4- *al-adat* (pertikel) seperti huruf *jar*, فِي، عَنْ، عَلَى (di / pada, dari, di atas.....) dan yang lainnya . Penggolongan tersebut seperti gambar rajah di bawah ini.



5-Gambar Rajah 4.3 Penggolongan Kata Menurut Ibrāhim

Anis


(ii)- Mahdiy al-Makhzūmiy (1986 :19-64) menggolongkannya kepada:

- 1- kata kerja
- 2- kata nama
- 3- *al-ādat* (pertikel)
- 4- *al-kināyat*.

Bahagian ini mengandungi:

- kata ganti nama
- kata penunjuk
- *al-mawṣūl* (kata sambung) dan jumlah setelah *isim mawṣūl* (الاسم الموصول) :
- *al-mustafham bih* (المعنى به) iaitu pertikel tanya, seperti: مَنْ ، هَلْ ، أَ (siapa, adakah / apakah....).

- Kata syarat, seperti: إِنْ ، إِذَا (jika) yang lain-lain seperti penggolongan pada gambar rajah di bawah ini :



6-Gambar rajah 4.4 Penggolongan Kata Menurut Mahdy al-Mahzumiyy.

(iii)- Tammām Ḥassān (t.t.:86-133), dan Fāḍil al-Sāqīy (1977:265-266) menggolongkannya kepada tujuh golongan. Penggolongan ini merujuk kepada dua aspek, iaitu *makna* dan *mabnā* (bentuk kata). Huraianya adalah seperti berikut :

a- **Kata khas.** Bahagian ini mengandungi:

1- Kata nama khas: kata yang merujuk kepada makna tertentu, sama ada dari jenis manusia, haiwan ataupun benda, seperti: Muhamad, Masjid Jamek. Mahkamah Tinggi K.L. ...

2- Kata الْكِتَابُ , (kata yang diawali dengan huruf mim tambahan) iaitu

perkataan-perkataan kata nama yang menunjukkan waktu (الْزَّمَانُ), seperti

مَغْرِبٌ (waktu mahgrib), kata nama yang menunjukkan tempat (الْكَانُ), seperti

مسنِجَةٌ (masjid / tempat sujud), dan kata nama alat (الْأَسْمَاءُ الْأَلْهَامُ), iaitu kata yang menunjukkan makna alat, seperti: مَضْرِبٌ (alat pemukul).

3-Kata nama jenis (الْأَسْمَاءُ الْجِنْسِيَّةُ), iaitu perkataan yang mengandungi makna am, seperti: إِنْسَانٌ، قَوْمٌ إِسْكَانٌ (manusia, kaum dan unta). Semua perkataaan tersebut mengandungi makna haiwan / manusia lain yang sejenis dengannya.

4 - Kata nama perbuatan (الْأَسْمَاءُ الْحَدَثِيَّةُ), ialah ẓarf zamān atau makān.

5- Kata nama mubham (الْأَسْمَاءُ الْمُبْهَمُ), iaitu kata yang mengandungi makna mubham (samar), kecuali jika dimudafkan (disandarkan) kepada kata yang lain, seperti: تَحْتَ (bawah) وَرَاءَ (belakang) أَمَامَ (hadapan) بَعْدُ (setelah) قَبْلُ (sebelum) فَرْقٌ (atas).

b- Kata kerja. Bahagian ini mengandungi:

1-kata kerja yang menunjukkan keterangan waktu kala lampau (ماضٍ) seperti: كَتَبَ (telah menulis).

2- kata kerja yang menunjukkan waktu kala kini (مُضَارِعٌ), seperti: يَكْتُبُ (sedang menulis, atau akan menulis).

3- kata kerja yang menunjukkan keterangan waktu yang akan datang (kata perintah) atau dikenali sebagai فعلُ الْأَمْرِ seperti كُتُبْ (tulislah).

c- **Kata sifat.** Bahagian ini mengandungi:

kata nama pelaku (اسم الفاعل), seperti كاتب (penulis), kata nama penderita

صيغة المبالغة مكتوب : (ditulis), seperti صيغة المبالغة (pola kepalingan), seperti

كتاب (seorang yang banyak menulis) صفة المشابهة باسم الفاعل (kata nama yang

serupa dengan isim *fā'il* dalam fungsinya), seperti: كريم (penderma), dan اسم

التفضيل (kata nama unggulan), seperti أفضلي (lebih utama).

d- **Kata ganti nama.** Bahagian ini mengandungi:

1- ضمير الخضور (kata ganti nama diri). Perkataan ini mengandungi

2- ضمير المتكلم (kata ganti nama diri pertama) seperti: أنا (saya), نحن (kami).

3- ضمير الخطاب (kata ganti nama diri kedua) seperti: أنت (anda).

4- هذه اسم الإشارة (kata penunjuk), seperti: هذا (ini), untuk maskulin, dan هـ (ini), untuk feminin.

5- ضمير غيبة (kata ganti nama orang ketiga), seperti: هو (dia seorang lk.)

(mereka berdua lk/pr) هم (mereka lk.) هي (dia seorang pr.) هـ (mereka berdua lk. / pr) هـ (mereka pr.). Bahagian ini mencakupi ism *mawṣūliyyat*, (kata

sambung / penghubung). seperti : ...الَّذِي الْتِي اللَّذَانِ اللَّذِينَ (yang), sama ada yang mengandungi makna tunggal (*mufrad*) atau jamak.

e- al-Khālifat (الخَالِفَةُ), iaitu suatu kata yang diungkapkan bagi tujuan menjelaskan keadaan tertentu yang menghairankan. Menurut Ahmad Muḥammad Qaddūr (1996: 167), kata ini mencakupi:

1- هَيَّاهَاتُ السَّفَرِ seperti (jauh sekali perjalanan ini). Bahagian ini mengandungi jenis-jenis perkataan di bawah ini :

2- سَيْحَاتُ التَّعْجِبِ (betapa cantiknya langit itu).

3- نَعْمَتُ الْمَرْأَةُ (نعم وحسن) (kata untuk pujian dan celaan) خَالَفَةُ الْمَدْحُ وَالْمَنْ (seburuk-buruk lelaki ialah Abū Jahal).

f-Al-żarf (الظَّرْفُ) (kata keterangan). Kata ini mengandungi:

1-kata nama keterangan masa (hari). Contoh : يَوْمُ الْزَّمَانِ (ظرف الزمان), seperti kata يَوْمَ الْخَمِيسِ (انتظرت يوم الخميس).

2-kata nama keterangan tempat (المكان), seperti kata أَمَامَ (depan). Contoh: أَمَامَ الْبَيْتِ (انتظر أمام البيت) (tunggulah di depan rumah).

g- **Al-ādāt** (pertikel) seperti: huruf-huruf yang mengandungi makna (huruf-


huruf ma'āni), sama ada yang terdiri daripada satu huruf, seperti huruf: (و) (

(ف) (ء) dan (ف), atau yang terdiri daripada dua huruf, seperti: (أَنْ), (أَوْ), (بِلْ), (

(إِذْنْ), (أَجْلْ), (إِلَى) dan (فِي), atau yang terdiri daripada tiga huruf, seperti: (كَانْ),

(أَمَامْ) (إِنْ) (بِلَى), atau yang terdiri daripada empat huruf, seperti : (لَكْنْ)

(لَوْلَا) (عَلَى), (حَتَّى), atau yang terdiri daripada lima huruf, seperti: (لَكِنْ)



7-Gambar rajah 4.5 Penggolongan Kata Menurut Tamām Ḥassan

Berdasarkan kepada huraian di atas dapatlah ditegaskan bahawa tidak ada kesamaan pendapat di kalangan ahli nahu Arab klasik dan moden dalam penggolongan jenis kata BA. Perbezaan pendapat ini, sudah tentu akan

menimbulkan suatu pertanyaan, padahal mereka membahagikan jenis perkataan dalam bahasa yang sama ?...

Penulis berpendapat, sebetulnya dalam hal ini tidak patut timbul suatu perbezaan dari kalangan mana pun, apabila mereka melihatnya dari satu aspek yang sama. Perbezaan itu berlaku kerana mereka berbeza dalam sistem penggolongannya, iaitu:

a- Penggolongan kata menurut ahli nahu Arab klasik merujuk kepada makna asal secara am.

b- Penggolongan kata menurut ahli nahu Arab moden mereka merujuk kepada pengkhususan atau fungsi makna perkataan dalam tarkib atau ayat.

Oleh karena itu, *Laṭīfat Ibrāhīm Muḥammad Najjār* (1994:56) mengatakan:

إِنَّ تَقْسِيمَاتَ الْمُحَدَّثِينَ خَاصَّةً الدُّكْتُورَيْمَ حَسَّانَ وَالدُّكْتُورُ فَاضِلُ السَّاقِي
كَائِنَتْ مَعْرُوفَةً عِنْدَ النَّحَّاهُ الْعَرَبِ، وَلَكِنَّهَا جَاءَتْ فِي مَرْجَلَةٍ ثَالِثَةٍ
لِتَقْسِيمِهِمُ الْكَلَامَ، فَكَانَ الدُّكْتُورُ تَمَامُ حَسَّانٌ وَتَلْمِيذُهُ بَدَعًا مِنَ الْمَرْجَلَةِ
الثَّانِيَةِ عِنْدَ الْقَدَمَاءِ، فَالْمَرْجَلَةُ الْأُولَى تَشَمَّلُ فِي تَقْسِيمِ الْكَلَامِ عَلَى أَسَاسِ
مِنَ الْمَعْنَى فِي أَصْلِ الْوَضْعِ، وَالْمَرْجَلَةُ الثَّانِيَةُ تَشَمَّلُ فِي تَصْنِيفِ الْكَلَامِ
عَلَى أَسَاسِ الْإِخْتِصَاصِ فِي مَعْنَى الْكَلِمَاتِ وَوُجُودِهَا فِي التَّرَابِيبِ.

Maksudnya: Penggolongan kata menurut Ahli Nahu Arab moden seperti *Tamām Ḥasān* dan *Fāḍil al-Sāqīy*, sebetulnya telah dibuat oleh ahli nahu Arab klasik sehingga jenis penggolongan kata yang dibuat oleh *Tamām Ḥasān* dan *Fāḍil al-Sāqīy* merupakan penggolongan peringkat kedua, kerana penggolongan kata pada peringkat pertama dibuat berdasarkan makna asal perkataan itu sendiri, sedangkan penggolongan kata peringkat kedua berdasarkan kekhususan atau fungsi makna perkataan dalam ayat.

Berdasarkan huraian di atas, penulis berpendapat bahawa penggolongan kata menurut ahli nahu Arab moden, sebetulnya telah dihuraikan secara luas oleh ahli nahu Arab klasik di dalam bab-bab buku nahu, serta ciri-ciri dan fungsinya dalam jumlah atau ayat. Maka tidak patutlah pembahagian tersebut dihuraikan di dalam bab penggolongan kata. Oleh kerana itu, penggolongan kata secara am menurut ahli nahu Arab klasik terbahagi kepada tiga bahagian seperti yang telah dihuraikan di atas. Kenyataan ini selari dengan yang dikatakan oleh Muḥammad Ṣalāḥ al-Dīn Muṣṭafā (Jld.1.t.t.:34) yang menegaskan:

وَأَرَادُوا بِالإِسْمِ كُلَّ مَا لَيْسَ بِفِعْلٍ أَوْ حَرْفٍ، فَجَاءَهُ هَذَا التَّقْسِيمُ شَيْءٌ مِنَ التَّعْمِيمِ، وَدَمْجٌ كَثِيرٌ مِنَ الْأَنْوَاعِ تَحْتَ "الإِسْمِ" ذَلِكَ لِأَنَّ النَّحْوَيْنِ قَدْ رَأَعُوا هَذَا التَّقْسِيمَ بِعَضِ خَوَاصِ الْكَلِمَةِ دُونَ بَعْضِ خَوَاصِهَا الْأُخْرَى، هَذَا عَلَى الرَّغْمِ مِنْ أَنَّ النَّحْوَيْنِ عِنْدَ حَدِيثِهِمْ عَنْ هَذِهِ الْأَقْسَامِ فِي أَنْوَابِهَا الْخَاصَّةِ بِهَا قَدْ عَرَضُوهَا عَلَى تَحْوِيَةِ مِنَ الدَّقَّةِ .

Maksudnya: Linguis-linguis Arab klasik mengatakan, bahawa yang dimaksudkan dengan kata nama ialah setiap kata, selain kata kerja dan huruf. Pembahagian ini sangat am, kerana terdapat berbagai-bagi jenis kata nama yang terkandung di dalamnya, karena mereka ketika membahagikan kata, hanya menjelaskan ciri-ciri sebahagiannya sahaja, tidak menjelaskan ciri-cirinya yang lain. Ciri-ciri tersebut telah dijelaskan di dalam bab masing-masing secara sempurna dan terperinci.

4.3 Ciri-Ciri Kata Nama BA

Ada enam ciri-ciri kata nama dalam BA. Ciri-ciri tersebut adalah menerima :

- الْجَرُّ (the genitive), الْنِّدَاءُ (the nunation), الْتَّثْرِينُ (vocative), الْأَلْ (article),

الإِسْنَادُ (the attribution) dan al-waṣf atau al-ẓarf. Seperti penjelasan

berikut :

1. *Al-jarr*, Kata nama dapat menerima tanda tersebut apabila huruf akhirnya berupa huruf *sahīh* (bukan berupa huruf illat iaitu الف - و - ياء) seperti:

هَذِهِ الْجَامِعَةُ أَكْبَرُ مِنْ كُلِّ الْجَامِعَاتِ فِي هَذَا الْبَلَادِ " وَرَأَيْتُ الْجَامِعَةَ مَلِيْنَةً بِالْطَّلَابِ

(Masjid ini paling besar daripada masjid-masjid yang lain di negeri ini, dan saya melihat masjid itu dipenuhi oleh para pelajar.

Perkataan كلُّ dijarkan oleh huruf منْ dan الْ طَلَابِ dijarkan oleh huruf بَ.

2-*Tanwīn* (*The nunation*), iaitu kata yang huruf akhirnya bebaris dua *dammat* (فتحتين) dan dua *fathat* (كسرتين). Kata nama yang meneria

tanda *tanwīn* apabila huruf akhirnya berupa huruf *sahīh* (huruf ahirnya bukan berupa huruf *alif*, *waw* atau *yā'*, atau disebut juga dengan *huruf illat*), seperti contoh: وَصَلَ أَبِي عَانِدًا مِنْ ذَا الْأَسْنَادُ لَطِيفٌ أَخْلَاقٌ (Ustaz ini lembut akhlaknya) dan

لَطِيفٌ الرَّحْلَة (Bapa saya telah tiba dari perjalanan/ piknik.). Dua perkataan

عَانِدًا huruf ahirnya berbaris *tanwīn*, sebagai tanda kata nama.

3-Al-nidā' (*Vocative*), ialah suatu kata yang dapat diiringi oleh *huruf nidā* : *yā'* (يَا), seperti: يَا وَالَّدِيْ تَعَالَ مَعَنَا (Hai ayah, marilah bersama kami); dan firman Allāh:

﴿ قُلْ يَا عَبَادِيْ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ ﴾

Maksudnya: Katakanlah: Hai hamba-hamba-Ku yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (Surah al-Zumar: 53.)

4- *Al-isnād (The attribution)*, iaitu penggabungan di antara musnad dan musnad ilaih yang memberikan ketentuan hukum, sama ada *ithbāt* atau *nafiy* (Ahmad al-Hāsyimiy 1991: 18), salah satu contohnya ialah kedudukan kata tersebut sebagai *mubtada'* (subjek), seperti firman Allāh :

﴿ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ ﴾

Maksudnya: Muhammad ialah utusan Allah.(Surah al-Fath: 29)

atau *isim kāna* seperti : كَانَ مُحَمَّدٌ يَقُولُ أَبْرَةً (Muhammad itu bapaknya berdiri), atau *isim inna* إِنْ اسْتُمْ إِنْ , seperti firman Allāh :

﴿ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ﴾

Maksudnya: Sesungguhnya manusia dalam keadaan rugi.(Surah al-'Asr :2).

يُوزَعُ الْرَّاتِبُ الشَّهْرِيُّ لِلْمَوْظِفِينَ فِي الْحُكُومَةِ
atau sebagai *nā'ib fā'il* (kata pasif) (بِنَائِبِ الْمَوْظِفِ)

كلٌ آخرٌ الشهري (Gaji bulanan dibahagikan kepada pegawai di pejabat

kerajaan pada setiap akhir bulan).

5- Menerima (*al*)- *al-ma'rifa* (Accepting of Determenative *al*), ertinya kata

tersebut menerima tanda *al* (ال) yang terletak pada awal kata, seperti kata

الْإِنْسَانُ (manusia), dan kata رَجُلٌ (*rajul*) menjadi إِنْسَانٌ

(seorang lelaki), dan sebagainya.

6- *al-Wasf* dan *al-Zarf*

Termasuk digolongkan jenis *kata nama* ialah perkataan-perkataan seperti *al-wasf* dan *al-zarf*, kerana perkataan tersebut memiliki ciri-ciri yang sama, seperti penjelasan di bawah ini:

(i) *al-Wasf*

Bentuk kata ini (الوصف) merupakan jenis kata nama yang menerima tanda-tanda seperti berikut:

1- *Al-jar* (*The genitive*), jika kata tersebut huruf akhirnya berupa *huruf sahīh*, seperti firman Allāh:

﴿بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، أَللَّهُمَّ إِنَّمَا تَرَبَّعُ عَنِ الْعَالَمِينَ﴾

Maksudnya: Dengan nama Allāh yang maha pengsih lagi maha penyayang, segala puji bagi Allāh Tuhan alam semesta.(Surah al-Baqarah :1-2).

2- *Al-tanwīn* (*The nunciation*), seperti : أَصْبَحَ الْإِنْسَانُ عَالَمًا إِذَا تَعْلَمَ كَثِيرًا (Manusia

itu menjadi ‘ālim jika banyak belajar), dan مَا كَانَ هَذَا الْمَسْجِدُ مَالَكًا لِأَحَدٍ (Masjid

ini bukan milik seorang), dan هَذَا الْبَيْتُ جَمِيلٌ مَنْظَرٌ (Rumah ini cantik pandangannya).

3- *Al-nidā'*, suatu kata yang menerima huruf nidā', seperti يَا صَاحِبَ الْأُمَوَالِ

أنْفَقْ جُزًّا مِنْ مَا لَهُ فِي سَبِيلِ اللهِ (Hai orang yang punya harta dermakanlah sebahagiannya bagi kepentingan jalan Allāh).

4- *Al-isnād* (*the attribution*), seperti إِنَّ الْعَالَمَ دَائِمًا يَقُومُ اللَّيلَ ذَاكِرًا اللهَ (Orang ‘ālim itu selalu bangun malam dan berdhikir kepada Allāh).

5- *Al-ma‘rifah* (*The determinative*), dapat pula menerima tanda (اـلـ), seperti يُعْرَفُ الْمُجْرِمُونَ بِسِينَاهُمْ (orang-orang mukmin) dan المُؤْمِنُونَ (orang-orang derhaka), seperti firman Allāh :

﴿يُعْرَفُ الْمُجْرِمُونَ بِسِينَاهُمْ﴾

Maksudnya: Orang-orang yang berdosa dikenali dengan tandatandanya (Surah al-Rahman :41).

﴿إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ﴾

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang mukmin adalah bersaudara (Surah al-Hūrāt: 10)

Jadi, kata sifat ini, dianggap sebagai *kata nama*, atau *isim*, kerana menerima ciri-ciri kata nama, seperti yang telah disebutkan di atas.

(ii) -*al-Zarf*

Perkataan ini digolongkan sebagai *kata nama* kerana dapat menerima semua tanda kata nama iaitu:

1- Al-jar, seperti (Muhammad) ذَهَبَ مُحَمَّدٌ إِلَى الْمُسْتَشْفَى فِي يَوْمٍ يَعَانِي فِيهِ أَعْضَاؤُهُ

pergi ke hospital pada suatu hari apabila ia mengeluh tentang anggota badannya).

2- Al-isnād (*the attribution*) seperti: (Sesungguhnya hari

Jumaat adalah penghulu bagi hari-hari yang lain).

3- Al-tanwīn, seperti kata يَوْمًا dan kata يَوْمًٰ seperti:

(Saya tinggal di hotel selama satu hari sahaja, kemudian saya bermalam di rumah kawan saya selama satu hari juga).

4- Al-ma'rifa, seperti: (Bila anda

pergi ke Makkah ?... Saya akan pergi hari ini).

5- *Al-nidā'*, seperti: يَا يَوْمَ يَلْتَقِي فِيهِ الْحَبِيبُ حَيْثِيْتَهُ (Duhai hari, pada waktu itulah

perjumpaan kekasih dengan kekasihnya). Ibn Mālik (Jld.1, t.t : 16) mengatakan:

بِالْجَرِّ وَالْتَّنْوِينِ وَالنَّدَاءِ وَالْمُسْتَدِ لِلِّإِسْمِ ثَمِيْزٌ حَصَلَ

Maksudnya: Isim (kata nama) dapat diberi tanda seperti: jar, tanwīn, nidā', al dan isnād.

Kata Kerja (*fi'l*)

بِنَا فَعَلْتَ وَأَكَتْ وَيَا افْعَلِي وَتُونُ أَقْبَلَنَ فِعْلٌ يَنْجَلِي

*Maksudnya: Tanda *Fi'l* (kata kerja) ialah menerima ta fā'il, ta sākinat , ya' mukhaṭābaṭ dan nun tawķid , pada akhir kata.*

Huruf dan *Fi'l Mudāri'*

سِوَاهِمًا الْحَرْفُ كَهْلٌ وَفِي وَلَمٌ فِعْلٌ مُضَارِغٌ يَلِيْ "لَمٌ" كَيْشَمٌ


*Maksudnya: Selain isim dan *fi'l* ialah huruf, seperti حـ (hal), فـ (fi) , dan لـ (lam) . Adapun tanda *fi'l mudāri'* (kata kerja yang menunjukkan keterangan waktu sedang atau akan datang) ialah dapat didahului oleh huruf (فـ) lam seperti .*

Fi'l Mādī:

وَقَاضِي الْأَفْعَالِ بِالثَّامِنِ وَسَمِ بالثُّوْنِ فِعْلُ الْأَمْرِ، إِنْ أَمْرٌ فِيهِمْ

*Maksudnya: Ciri-ciri *fi'l mādī*, atau kata kerja yang menunjukkan keterangan waktu lampau, ialah dapat ditandai tā' fā'il dan tā' ta'nīh yang terletak pada akhir kata, sedangkan *fi'l amar*(kata printah) ialah dapat ditandai dengan nun tawķid pada akhir kata.*

Tanda-tanda tersebut tidak diperselisihkan oleh semua kalangan linguis, baik dahulu maupun sekarang. Lihat gambar rajah di bawah ini



8-Gambar Rajah 4.6 Ciri-Ciri KN BA

4.4 Penggolongan Kata Dalam BM

Sepertimana berlaku perselisihan pendapat dalam menentukan penggolongan kata pada BA, begitu juga pada BM. Perselisihan pada BM disebabkan oleh pelbagai pengaruh yang dialami seperti penjajahan, agama dan lain lain. Pengaruh ini sangat jelas, seperti yang dikemukakan oleh Abdullah Hassan (1983: 122) mengutip pendapat Harimurti Kridalaksamana:

Dalam kajian tentang bahasa Melayu dan Indonesia terdapat dua tradisi berkenaan dengan kelas kata, yakni tradisi Eropah dan tradisi Arab. Ada sarjana yang menerapkan kerangka bahasa Belanda atau bahasa Inggeris yang tidak lain daripada kerangka bahasa Yunani dan Latin).

Berdasarkan hakikat di atas maka Robins (1951:1966-1970) mengatakan bahawa Aristotle telah membeza-bezakan kata dalam bahasa Yunani (BY) atas nomina atau kata benda, **rhema** (lebih kurang mirip dengan verba atau kata kerja) dan **syndesmos** (lebih kurang serupa dengan partikel). Pembahagian kata

itu diwarisi dari Plato, gurunya, yang membahagikan kata-kata hanya kepada **onomia** dan **rhemata** saja.

Dalam hubungan ini, hanya tiga jenis golongan kata sahaja yang akan dikemukakan definisinya, iaitu:

- 1- Kata nama/benda: “ialah nama daripada benda dan segala sesuatu yang dibendakan”(Alisjahbana 1968: 79).
- 2-Kata kerja “ ialah kata yang berfungsi pada predikat dalam ayat Subjek Predikat dan Objek (Asmah Haji Omar 1993: 94).
- 3-Huruf (pertikel), iaitu perkataan yang tidak sempurna, dengan erti kat lain ia tidak dapat berdiri sendiri sebagai perkataan bebas, atau yang tidak boleh berdiri dengan sendirinya berdiri sebagai sebuah ayat (Lht.Arbak Othman 1985.:198).

Dalam kaitan ini penulis hanya mengutip sebahagian pendapat ahli-ahli linguis yang terkemuka dalam membahagikan jenis golongan kata, sebagai berikut:

a- Raja Ali Haji, (hidup pada pertengahan pertama abad ke 19 dan termasyhur sebagai pengarang buku *Gurindam Dua Belas, Tuhfat un Nafis* dan *Salasilah Melayu dan Bugis*), membahagikan kata dalam BM mengikut pembahagian jenis kata dalam BA, sebagai berikut:

- 1- Isim, yakni kata nama
- 2- Fi'l, yakni kata kerja
- 3- Harf (Lht. Abdullah Hasan, 1978: 128-129).

b- Pendeta Za'ba, dalam bukunya *Pelita Bahasa Melayu* (1981), membahagikan golongan kata kepada sembilan jenis, iaitu:

1-Kata nama (Noun)

2-Kata ganti nama

3-Kata krja

4-Kata keterangan

5-Kata depan

6-Kata penghubung

7-Kata seruan

8- Kata sifat

9- Kata bilangan

c-Takdir Alisjahbana, dalam bukunya *Tatabahasa Baru Bahasa Indonesia*, (Jilid II, 1970: 66), membahagikan kata sebagai berikut:

1-Kata Benda

2-Kata Kerja

3-Kata Ajektif

4-Kata Keterangan

5- Kata Ganti

6- Kata Bilangan

7- Kata Depan

8- Kata Sambung

9- Kata Sandang

10-Kata Seru.

d- Asmah Haji Omar, dalam bukunya *Nahu Melayu Mutakhir* (1993: 20-21) setelah beliau membuat kajian yang lebih saintifik membahagikanya kepada:

- 1- Kata Benda dengan subgolongan nama, ganti nama, dan bilangan, dan masing-masing dibahagikan lagi kepada subgolongan yang kecil.
- 2- Kata Karyaan dengan subgolongan kerja dan sifat dan subgolongan masing-masing.
- 3- Adverba dengan subgolongannya.

Penggolongan yang demikian dianggap kurang memuaskan oleh para ahli bahasa, kerana berdasarkan dua kriteria yang berlainan. Misalnya kata nama didefinisikan: *Perkataan yang menyebut benda atau orang*. Ini adalah definisi yang berdasarkan makna. Untuk kata sifat pula didefinisikan sebagai: *segala perkataan yang menerangkan atau menunjukan sifat sesuatu nama atau perbuatan*. Ini adalah definisi yang berdasarkan fungsi kata itu sendiri. Daripada penggolongan yang demikian bukan sahaja salah dari segi teori, malah juga sukar dijadikan pegangan. Oleh kerana itu, kita mesti mencari kaedah baru untuk menggolongkan jenis kata. (Lihat, Liaw Yock Fang, 1984 : 13-14.)

Menurut Abdullah Hassan (1978:153) bahawa sarjana yang mula-mula membicarakan penggolongan kata dengan bersungguh-sungguh ialah J.Gonda dan A.Teeuw. Begitu juga Asmah Haji Omar pernah membicarakan ciri kata sifat BM. Sungguhpun begitu, karangan tersebut masih mempunyai sedikit kelemahannya. Misalnya beliau masih membuat paradigma untuk BM, contohnya:

Kerusi

Pengerusi

Pengerusian

Kekerusian

Kerusian

Paradigma ialah ciri bahasa berinfleksi, sedangkan kita tahu BM adalah bahasa yang tidak berinfleksi, yang ada dalam BM ialah kata terbitan.

Berdasarkan huraian di atas penulis lebih cenderung kepada pembahagian kata yang dihasilkan oleh Asmah Haji Omar, yang membahagikannya kepada tiga jenis subgolongan. Alasan penulis, jenis pembahagian ini lebih diterima, kerana masing-masing golongan merangkumi subgolongan yang lain, sekalipun beberapa linguis lain masih melihat adanya kelemahan-kelemahan pembahas. Selain itu, pembahagian tersebut serupa dengan pembahagian kata menurut ahli nahu Arab klasik, sekalipun terdapat kelemahan-kelemahan yang tersebut.

Kesimpulannya, usaha untuk membuat suatu kajian penggolongan jenis kata BM yang dapat diterima oleh semua linguis masih terbuka, kerana kajian-kajian yang telah dilakukan masih terdapat banyak kelemahan, seperti yang telah dihuraikan di atas.

4.5 Ciri-Ciri Kata Nama Bahasa Melayu

Menurut Liaw Yock Fong (1985: 16-18) Kata nama BM memiliki tanda dan ciri -ciri yang membezakanya daripada satu perkataan dengan perkataan yang lain. Ciri-ciri tersebut seperti berikut:

- a- *yang*, letaknya selepas kata nama, seperti: “ Dia mempunyai rumah *yang* baru”. “Muhamad *yang* baru kembali dari menunaikan ibadah haji sekarang tidak bekerja lagi.”
- b- *Ini, itu*, diletakan selepas kata nama, seperti : “ Tahun *ini* ramai orang Melayu naik haji”. “ Masjid *itu* cantik” Fakulti Bahasa dan Linguistik *itu* terkenal di dunia”.
- c- *Kata bilangan*, diletakkan di awal kata nama, seperti: “ *Tiap-tiap* pagi Muhamad berjalan kaki selama *dua* jam.”

Adapun cara untuk mengetahui perkataan, sama ada kata nama atau bukan, adalah mudah. Kalau perkataan itu kata nama, ia boleh dibilang. Oleh itu, ia boleh didahului oleh *kata bilangan* ataupun oleh *penjodoh bilangan*. Contoh: *dua rumah* , *seorang menteri*, *sebuah projek*, *suatu idea*, *beberapa pendapat*, *setengah pihak*, *masing-masing orang*, *para hadirin*, *sebuah harapan*, *sepotong hati*, *suatu perasaan*, *sebuah rumah*, *lima buku*, dan sebagainya.

Selain ciri-ciri di atas, yang juga sebagai tanda kata nama menurut Abdullah Hassan (1987 : 136-146) dan Nik Safiah Karim (1989 : 67-90) adalah seperti berikut :

a - *Kata sifat*. Terletak selepas kata nama, contoh: Sahabat *kari*

Rumah *panjang*

Badan *kurus*

Alaf *baru*

Kepala *pusing*

b-*Imbuhan*. Huruf-huruf imbuhan menurut Liaw Yock Fang (1994:31-32) dapat dijadikan sebagai ciri-ciri kata nama. Kata nama jenis ini disebut kata nama terbitan. Imbuhan-imbuhan kata nama ialah:

1- **Awalan**:

a- (*pe, pen, pem*) Contoh:

pe, petani, pelakon, pedagang

pen, penjamin, penjajah, penyamun

pem, pemberi, pembekal, pembuka

b- (*peng, penge*) .Contoh:

peng, pengajar, penghalus, penghubung

peng, pengebom, pengemudi

2- **Akhiran** .

a- *an* . Contoh:

makanan, minuman, masakan, senyuman...

b- *wan* . Contoh:

usahawan, wartawan, ilmuwan, jutawan, sejarawan...

c- **wati**. Contoh :

seniwati, olahragawati, pragawati.

3- **Apitan**:

a- **pe...an, pen...an, pem....an, peng....an, penge....an**. Contoh:

penulisan, pencarian, pembangunan, penghargaan, pengeboman.

b- **per....an** . Contoh:

persatuan, perlawanan, perdagangan, permainan.

c- **ke.....an** . Contoh:

kerajaan, kerajinan, kedatangan...


4- **Sisipan em, el dan er**.

a- em – kuning *kemuning*, kucup *kemucup*

b- el - tapak *-telapak*, kupas- *kelupas*.

c- er - suling *seruling*, gigi *gerigi*.

Dalam kaitan ini penulis tidak menafikan kemungkinan adanya pendapat lain yang mengatakan bahawa tanda atau ciri kata pada BM tidak terbatas seperti apa yang telah diuraikan di atas. Oleh itu, adanya perbezaan-perbezaan di kalangan penulis buku di dalam menentukan tanda atau ciri-ciri perkataan bukanlah hal yang menghairankan, kerana masing-masing mempunyai pandangan yang berbeza. Untuk lebih penjelasannya lihat rajah di bawah ini



9-Gambar Rajah 4.7 Ciri-Ciri KN BM

4.6 Aspek Persamaan dan Perbezaan

- 1-Penggolongan jenis perkataan pada kedua-dua bahasa (BA dan BM) mempunyai latar belakang yang sama, iaitu merujuk kepada penggolongan kata bahasa Yunani (BY).
- 2- Begitu juga pada kedua-dua bahasa BA dan BM terdapat ciri-ciri dan tanda-tanda bagi membezakan suatu perkataan daripada perkataan yang lainnya sepertiuraian di bawah ini.
- 3-Ciri-ciri kata nama pada BA kebanyakannya berupa huruf, kecuali satu, iaitu *al-isnād* (the attribution). Huruf-huruf tersebut diletakkan di awal kata, selain tanda *tanwīn* (the nunciation) untuk kata nama, dan diletakkan selepasnya jika berupa kata kerja, selain dua tanda lam (ل), dan hal (هـ)
- untuk kata nama dan kerja yang masing-masing di letakan di awal kata.
- 4-Pada BM terdapat banyak ciri kata nama, iaitu berupa *kata sifat (ajektif)* dan *kata bilangan*, yang letaknya di awal kata, dan tambahan perkataan *yang*, yang letaknya selepas kata. Ciri-ciri tersebut tidak terdapat pada kata nama BA sebagai ciri atau tanda kata nama. Walaupun perkataan itu terdapat dalam BA, namun perbahasannya diuraikan dalam bab lain, iaitu bab isyarāt untuk *ini* dan *itu* dan bab *mawṣūl* (kata sambung / penghubung) untuk *yang*. Akan tetapi perkataan itu bukan menjadi ciri bagi kata nama pada BA.
- 5-Ciri kata nama yang lain pada BM ialah berupa huruf-huruf imbuhan. Jenis ini pada BA bukan sebagai tanda atau ciri kata nama, sememangnya pada BA terdapat huruf-huruf imbuhan (*al-mazidāt*) tetapi diuraikan dalam bab lain, bukan ciri bagi kata nama.

4.6 Penutup

Setelah kedua-dua kajian ini dilakukan, penulis dapat menyimpulkan bahawa pada kedua-duanya terdapat penggolongan kata,dan masing-masing penggolongan tersebut dipengaruhi oleh penggolongan kata menurut Plato. Di samping itu pada kedua-duanya terdapat ciri-ciri perkataan, walaupun ciri-ciri tersebut berbeza, kerana perbezaan rumpun dan keluarga bahasa.